

Tindakan dan langkah keselamatan apabila taufan bencana
(Agensi Meteorologi Jepun/ Kerajaan Jepun)

[Tindakan yang diambil apabila taufan bencana]

>> Apabila bencana sampai dekat anda, JANGAN pergi ke luar

- Yang paling sesuai adalah tinggal di dalam rumah ataupun bangunan sambil tunggu taufan lepas. JANGAN pergi ke luar untuk mengesahkan keadaan sungai-sungai kerana ini ialah tindakan yang bahaya

>> JANGAN guna lif

- Jangan guna lif semasa bencana kerana blik elektrik/mesin yang berada di bawah tanah mungkin telah banjir dan operasi lif akan terhenti dalam bangunan itu

[Tindakan yang boleh diambil 0-6jam sebelum taufan bencana]

>> Menganggap kerosakan akibat banjir di kawasan anda

Jika kawasan anda akan berlaku rebut atau banjir, sila pastikan informasi yang terbaru yang dikeluarkan oleh Agensi Meteorologi Jepun dan Kerajaan Jepun, bersedia untuk pemindahan segera

>> Sila berhati-hati jika anda di bawah tanah

Bawah tanah seperti metro, pusat membeli-belah dan tempat letak kereta bila-bila pun akan banjir. Sila berhati-hati jika anda di bawah tanah.

[Tindakan yang boleh diambil 6-12jam sebelum taufan bencana]

>> Apabila 'Nasihat Pemindahan' diumumkan oleh kerajaan, sila bergerak dalam satu kumpulan
Apabila 'Nasihat Pemindahan' diumumkan, kunci rumah anda, panggil jiran anda bergerak ke tempat yang selamat dengan kaki. When 'Evacuation Advisories' are issued, lock your house, ask your neighbors to evacuate with you, on foot. Kasut sukan atau kasut trekking adalah kasut yang paling sesuai untuk jalan di jalan raya yang tenggelami dengan air.

>> Apabila 'Informasi Sedia untuk Pindah' diumumkan, tolong-menolong orang yang perlu dibantu untuk pemindahan dengan segera.

Apabila 'Informasi Sedia untuk Pindah' diumumkan, tolong orang yang susah bergerak (contohnya, orang tua, orang cacat, keluarga dengan bayi, dan lain-lain) untuk pindah ke tempat yang selamat (contohnya, tanah yang tinggi, rumah saudara, kemudahan kebajikan awam dan

lain-lain)

[Tindakan yang boleh diambil 12-36jam sebelum taufan bencana]

>> Sediakan lampu suluh dan makanan

Apabila taufan berlaku di kawasan anda, air dan elektrik bekalan mungkin akan terhenti. Oleh itu, sila sediakan lampu suluh dan radio (untuk menerima informasi) di dalam rumah. Jika anda tidak boleh keluar untuk membeli-belah, sediakan makanan dan minuman/air yang cukup untuk beberapa hari.

>> Gerakkan barang-barang di rumah anda ke lokasi tinggi

Barang-barang di rumah akan rosak jika kena air. Gerakkan barang yang penting ke lokasi tinggi untuk menyelamatkannya daripada banjir.

[Tindakan yang boleh diambil 36-48jam sebelum taufan bencana]

>> Jika rumah anda di tanah yang rendah, beg pasir boleh digunakan untuk hentikan banjir ataupun memperlahankan banjir ke rumah anda.

Hubungi pejabat kerajaan tempatan anda untuk mengetahui sama ada beg pasir ada atau tidak. Alternatif kepada beg pasir ialah isikan air ke dalam plastic beg sampah dan tetapkannya dengan blok konkrit, ataupun isikan botol PET dengan air ke dalam kotak.

>> Sebelum bencana berlaku, memeriksa keadaan saluran dan jaga kerbersihannya.

Saliran tersumbat akan menjadi lopak air di jalan raya dan taman yang akan merosakkan bilik-bilik dan tempak letak kereta di tingkat bawah tanah. Jika paip saluran di beranda tersumbat dengan daun-daun dan debu, banjir setinggi dua tingkat atau lebih tinggi akan berlaku. Oleh itu, sila pastikan paip saluran bersih.

>> Mengukuhkan jubin bumbung dan bumbung beralun.

Jika jubin bumbung terbang akibat angin kencang, anda akan menghadapi keadaan yang hebat, bukan cedera ringan sahaja. Oleh itu, sila memeriksa untuk memastikan tiada kebocoran di bumbung atau retak di dinding luar. Jika ada objek seperti antenna TV, dinding, dinding yang akan runtuh, basikal, pasu bunga yang mungkin kena ditiup daripada angin kencang, tetapkan mereka dengan tali atau pindahkan ke dalam rumah.